

U B172 DEB
MAHATHIR-BAHASA

1984

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS JAM 2230 MALAM INI)

KUALA LUMPUR, 23 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAMINI MAHUKAN SETIAP GOLONGAN TERPELAJAR, PROFESIONAL DAN PAKAR-PAKAR BAHASA DI NEGARA INI MENGUASAI EKKURANG-KURANGNYA SATU BAHASA ASING BAGI HEMPERKAYAKAN BAHASA KEBANGSAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA ADALAH MENJADI TUCAS GOLONGAN TERPELAJAR NEGARA INI YANG MENGUASAI BAHASA-BAHASA ASING UNTUK MEMINDAHKAN KEKAYAAN ILMU PENGETAHUAN DUNIA KE DALAM BAHASA KEBANGSAAN.

+KITA HARUS INGAT BAHAWA PEMBANGUNAN BAHASA KEBANGSAAN KE PERINGKAT YANG DIDAPATI SEKARANG DICAPAI OLEH KERANA ADA ANTARA KITA YANG DAPAT MENGUASAI BAHASA-BAHASA ASING.+ KATANYA.

BERUCAP DI MAJLIS MAKAN MALAM GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENULIS NASIONAL (GAPENA) DI SINI, BELIAU BERKATA ORANG TERPELAJAR PADA ZAMAN MODEN INI BIASANYA MENGUASAI SEKURANG-KURANGNYA DUA BAHASA.

+INI TIDAK LAH BERMAKNA KITA MENDERHAKA KEPADA BAHASA KEBANGSAAN TETAPI MENOLONG MEMPERKAYAKAN BAHASA ITU DISAMPING MEMPERLUASKAN ILMU YANG DIMILIKI OLEH RAKYAT NEGARA INI,+ KATANYA. -LAGI
1941MST 23'11 84

D154

UB173 DEB

MAHATHIR-BAHASA 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TANPA PENGUASAAN BAHASA-BAHASA ASING, PEMINJAMAN PERKATAAN ASING AKAN TERHAD KEPADA PEMINJAMAN BUNYI PERKATAAN SAHAJA TANPA MAKNA.

+JIKA BUNYINYA SAHAJA YANG DIPINJAM TETAPI MAKNANYA LAIN, ADALAH LEBIH BAIK KITA TEMPAM BUNYI PERKATAAN KITA SENDIRI,+ KATANYA. MENURUTNYA MEMINJAM BUNYI PERKATAAN TANPA TAFSIRANNYA AKAN MENBELIRUKAN SEMUA ORANG.

BELIAU BERKATA BANYAK PERKATAAN ARAB, INGGERIS DAN DARI BAHASA-BAHASA LAIN YANG DIGUNAKAN OLEH RAKYAT NEGARA INI TIDAK MEMPUYAI MAKNA ASAL PERKATAAN TERSEBUT DISEBABKAN KURANGNYA PENGUASAAN BAHASA-BAHASA BERKENAAN.

KITA DI SINI HARUSLAH BERTHATI-HATI AGAR KEAZAMAN KITA OLEH KEKEMAJUAN BAHASA KESANEGSAAN TIDAK MENGANCAM KEPERLUAN KITA KEPADA BAHASA-BAHASA ILMU DAN KEMAJUAN DAN PERKEMBANGAN DI SEKELILING KITA. KATANYA.

MENURUTNYA BAHASA ILMU DAN NILAI-NILAI ASING YANG POSITIF ADALAH PENTING BAGI MEMPERKUATKAN SISTEM PENDIDIKAN NEGARA INI BERTA SAMA MEMINDAHKAN TEKNOLOGI DAN ILMU PENGETAHUAN DARI LUAR. - LAGI
1941MST 23'11 84

D155

U B174 DEB

MAHATHIR-BAHASA 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TUGAS RAKYAT NEGARA INI SEBARANG JALAH MENCARI PERIMBANGAN YANG SESUAI DI ANTARA PENGGUNAAN BAHASA KEBANGSAAN DENGAN BAHASA-BAHASA ILMU DUNIA.

DALAM HUBUNGAN INI, BELIAU BERKATA PENGGUNAAN BAHASA KEBANGSAAN HENDAKLAH DIPERKUKUHKAN DALAM PERHUBUNGAN SEHARI-HARI DAN KEHIDUPAN BIASA.

DI SAMPING MENGGUNAKANNYA SEBAGAI BAHASA ILMU PENGETAHUAN DAN BAHASA KEBUDAYAAN TINGGI, RAKYAT HENDAKLAH MENGGUNAKANNYA JUGA SEBAGAI BAHASA DALAM MEMPAMERKAN DAN MENGIKLANKAN BARANG-BARANG DAGANGAN DI KEDAI-KEDAI DAN PUSAT MEMBELI-BELAH; TAMBAHNYA

MENURUTNYA USAHA BERSAMA DAN KERJASAMA ANTARA INDIVIDU DAN INSTITUSI-INSTITUSI MESTILAH DITINGKATKAN DALAM USAHA UNTUK MELIBATKAN PENGGUNAAN BAHASA KEBANGSAAN SEBAGAI BAHASA KEBUDAYAAN TINGGI.

BELIAU BERKATA MASYARAKAT PENULIS DAN SENIMAN HENDAKLAH JUGA MEMAINKAN PERANAN UNTUK MENGARANG DAN MENCIPTA KARYA-KARYA YANG BERMUTU YANG DAPAT MEMIKAT PARA PEMBACA. - LAGI

1948MST 23 11 84

D156

U B175 DEB

MAHATHIR-BAHASA 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PARA PENERBIT AKHBAR BAHASA KEBANGSAAN JUGA HENDAKLAH MENINGKATKAN MUTU RENCANA YANG DISIARKAN SESUAI DENGAN CITA-CITA UNTUK MEMPERLUASKAN LAGI PENGGUNAAN BAHASA KEBANGSAAN.

KATANYA KONSEP PENGSWASTAAN KERAJAAN JUGA HARUS DIPERLUASKAN DALAM LAPANGAN PEMBINAAN BAHASA DAN KEBUDAYAAN OLEH KERANA BAHASA DAN KEBUDAYAAN PERLU DIBINA DENGAN DAYA USAHA DAN INISIATIF RAKYAT SENDIRI.

WALAU BAGAIMANAPUN BELIAU BERKATA PERANAN KERAJAAN HANYALAH SETAKAT MEMBERI GALAKAN DAN DORONGAN.

BELIAU JUGA MEMINTA PIHAK SWASTA YANG MAMPU SUPAYA MEMBERI SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN SUPAYA BUKU-BUKU DALAM BAHASA KEBANGSAAN DAPAT DITERBITKAN.

INI KATANYA DISEBABKAN BUKU-BUKU ILMU PENGETAHUAN DAN KEBUDAYAAN YANG TINGGI BELUM LAGI BOLEH DITERBITKAN SECARA KOMERSIAL KERANA JUMLAH PENGGUNANYA MASIH TERBATAS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PIHAK SWASTA DAN RAKYAT DAPAT MENYALURKAN SUMBANGAN MEREKA MELALUI BEBERAPA BADAN SEPerti YAYASAN KARYAWAN, ZAMALAH SASTERA SERTA YAYASAN SENI YANG DITUBUHKAN TIDAK LAMA DAHULU.

MENURUTNYA LAMBAT LAUN AKAN WUJUD BADAN-BADAN YANG KHUSUS YANG DIUSAHAKAN ATAS INISIATIF RAKYAT BAGI MENERBITKAN SATU-SATU KARVA BAHASA SEPerti +KAMUS KEBANGSAAN+ ATAU UNTUK MENERBITKAN ENSAIKLOPEDIA KEBANGSAAN. +

-- BERNAMA

1948MST 23 11 84